JURNAL YADIM
"International Journal Of Islam And Contemporary Affairs"

VOL. 6 (1) | JUN 2026: 158-180
E-ISSN: 2785-8898
www.e-jurnal.yadim.com.my

Diserahkan: 20 Januari 2026 Diterima : 21 April 2026 Atas Talian: 21 Jun 2026

ANALISIS LINGUISTIK KEPELBAGAIAN TERJEMAHAN SŪRAH AL-FĀTIḤAH

A LINGUISTIC ANALYSIS OF THE DIVERSE TRANSLATIONS OF SŪRAH AL FĀTIḤAH

[i]Muhamadul Bakir Yaakub & [ii] *Khatijah Othman

[i]Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347, Jalan Pasar Gadong, BE1310, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

[ii]Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347, Jalan Pasar Gadong, BE1310, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

Corresponding Author; e-mail: *khatijah.othman@unissa.edu.bn

DOI: 10.61465/jurnalyadim.v6.386

ABSTRAK

Ilmu terjemahan memainkan peranan penting dalam pembangunan insan dan pemantapan tamadun. Keseragaman hasil terjemahan mencerminkan ketepatan maksud sesuatu teks. Ketepatan terjemahan penting untuk memastikan maksud yang disampaikan selari dengan teks asal. Keadaan ini mendorong kajian ini untuk menilai sejauh mana perbezaan tersebut berlaku dalam terjemahan Sūrah al-Fātiḥah ke dalam Bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan memilih enam sampel terjemahan Sūrah al-Fātiḥah berdasarkan kebiasaan penggunaannya dalam masyarakat Melayu. Sampel-sampel tersebut dianalisis melalui kaedah analisis kandungan untuk membincangkan struktur linguistik dan ciri semantik yang mengesahkan aspek pragmatik. Analisis perbandingan turut dijalankan bagi mengenal pasti bentuk perbezaan dari segi penggunaan linguistik, semantik, dan pragmatik. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya pelbagai variasi dalam hasil terjemahan Sūrah al-Fātiḥah yang berpunca daripada ketidakseragaman penggunaan struktur linguistik dan unsur semantik antara teks asal dan teks terjemahan. Perbezaan-perbezaan tersebut berlaku dari pelbagai aspek, antaranya ialah pemilihan kata, bentuk kata, gandingan kata, penguat kata dan juga dari aspek susunan struktur makna dan acuan bahasa yang diguna pakai. Implikasi daripada perbezaan tersebut maka berlakulah perbezaan semantik dan juga pragmatik yang terpindah kedalam teks sasaran. Keadaan ini berlaku kerana hakikat bahasa itu sendiri yang berkait rapat dengan pemikiran dan perlakuan manusia dan masyarakat penggunanya yang tersendiri. Walaubagaimanapun, dalam hal terjemahan Sūrah al-Fātiḥah

ini, ketepatan makna dan isi kandungan terjemahan adalah sangat penting kerana ianya menjadi pegangan agama kepada seluruh umat Islam.

Kata Kunci*:* Sūrah al-Fātiḥah, terjemahan, kepelbagaian, analisis semantik dan linguistik

ABSTRACT

Translation study plays an important role in human development and the consolidation of civilization. The uniformity of translation results reflects the accuracy of the meaning of a text. The accuracy of translation is important to ensure that the meaning conveyed is in line with the original text. This situation prompted this study to assess the extent to which these differences occur in the translation of Sūrah al-Fātiḥah into the Malay language. This study uses a qualitative approach by selecting six samples of Sūrah al-Fātiḥah translations based on their usage habits in the Malay community. The samples were analysed through content analysis methods to discuss the linguistic structure and semantic features that confirm the pragmatic aspects. Comparative analysis was also conducted to identify the forms of differences in terms of linguistic, semantic, and pragmatic usage. The findings show that there are various variations in the translations of Sūrah al-Fātiḥah which are caused by the inconsistency in the use of linguistic structures and semantic elements between the original text and the translated text. These differences occur from various aspects, including word selection, word form, word combinations, word intensifiers and from the aspect of the arrangement of the meaning structure and language references used. The implications of these differences shows that there are semantic and pragmatic differences that are transferred to the target text. This situation occurs because of the nature of language itself which is closely related to the thoughts and behaviours of humans and their specific user communities. However, in the case of the translation of Sūrah al-Fātiḥah, the accuracy of the meaning and content of the translation is very important because it has a religious belief for all Muslims.

Keywords: Sūrah al-Fātiḥah, translation, diversity, analysis semantic and linguistics

PENDAHULUAN

Kedudukan Sūrah al-Fātiḥah dalam kehidupan seseorang Islam, keistimewaan dan peranannya yang pelbagai pastinya menjadi pendorong kepada percambahan kajian-kajian yang berkaitan dengan surah ini. Sūrah al-Fātiḥah adalah satu surah yang mengandungi maksud yang mendalam dalam membimbing orang beriman ke jalan pengabdian, sentiasa bersyukur dan penuh kebergantungan kepada Allah SWT (Berita Harian, Jan 2024). Penerapan pengajaran dari Sūrah al-Fātiḥah ini dalam kehidupan harian manusia adalah sangat mendalam kerana pengamalan dalam membacanya dapat mengukuhkan hubungan antara manusia dan Pencipta (Allah SWT) dan membawa kepada pertumbuhan dan bimbingan rohani yang sihat. Wan Mohamad (2017) bersama-sama dengan pasukannya telah

cuba memaparkan tahap kefahaman pembaca Sūrah al-Fātiḥah. Mereka juga telah menyimpulkan bahawa kefahaman yang betul berkenaan dengan intipati surah ini amat penting dalam kehidupan seseorang individu Muslim.

Al-Fātiḥah dalam kajian ini merujuk kepada surah pertama yang tersurat dalam susunan al-Quran al-Karim. Perbincangan utama kajian ini ialah menganalisis variasi terjemahan Bahasa Melayu yang diberikan oleh para penterjemah terhadap teks tersebut. Analisis dijalankan menggunakan kaedah ilmu bahasa atau linguistik untuk menilai aspek linguistik, semantik, dan pragmatik terjemahan. Pendekatan ini penting kerana meneliti teks keagamaan memerlukan ketelitian agar tidak menimbulkan keraguan yang berkaitan dengan kesucian agama. Selain itu, kajian ini menekankan tanggungjawab penuh dalam menyampaikan maksud sebenar teks agama; sebarang kekurangan terjemahan, terutamanya yang berpunca daripada pemahaman persendirian, dianggap sebagai kelemahan sumber.

Al-Tabari (2001) menekankan tentang perlunya kefahaman dalam bahasa Arab untuk memahami al-Quran. Dalam hal ini, ia termasuklah keseluruhan ilmu bahasa Arab diantaranya, *matn al-lughah* (kata akar, sinonim, dan lafaz), *sarf* (bentuk dan pembentukan kata), *nahw* (sintaksis), dan *ma'ani* (perbahasan berkaitan bahasa Arab yang sesuai dengan tuntutan situasi dan keadaan) (Al-Gharib, 2018; Hilmi, Saleh & Sulaiman, 2022). Sesuatu kefahaman itu boleh dianggap tidak tepat apabilah ianya terkeluar daripada sistem bahasa yang telah digunapakai oleh pemilik asal sesuatu teks. Oleh yang dimikian, ianya adalah satu terjemahan yang terhasil daripada kefahaman penterjemah secara individu. Keadaan ini sangat membimbangkan kerana sebagai hamba Allah (swt), adalah menjadi tanggungjawab individu dalam menterjemah ayat al-Quran dengan jelas tentang apa yang telah disuratkan oleh Allah (swt) didalam kitabNya. Bagaimana jika apa yang difahami dan diterjemahkan oleh seorang penterjemah berbeza sama sekali daripada apa yang sebenarnya dikehendaki oleh Allah SWT. Oleh itu, usaha terjemahan perlu diasaskan kepada satu sistem analisis yang sistematik dan ilmiah. Dengan penggunaan sistem yang jelas, hasil terjemahan berpotensi memberi impak yang lebih tinggi serta diharapkan mendapat restu dan redha Allah SWT, seterusnya menjadi *'ibadaṯ* yang memacu kejayaan di dunia dan akhirat (Sharshaar, 2002:59-68).

Dari sini, jelaslah bahawa usaha dalam menghuraikan bentuk kepelbagaian terjemahan surah ini adalah sangat diperlukan. Contohnya, perbezaan pandangan, pendapat dan kefahaman dalam memahami teks ini perlu menjadi pendorong ke arah penyempurnaan

satu tugasan dan kebertanggungjawaban ke atas satu kefahaman. Sesungguhnya krisis utama umat Islam dewasa ini adalah kekurangan mekanisma keagamaan yang memupuk kesatuan. Hal ini terbukti, bilamana seseorang itu ditanya dengan soalan-soalan yang berkaitan amal-ibadat harian, seperti contohnya;

i) Apakah setiap bacaan yang dibaca dalam amal ibadat (contohnya solat) difahami?

ii) Bagaimanakah proses penterjemahan ayat penting yang dibaca dalam setiap amal ibadat berlaku?

iii) Adakah setiap ayat Quran yang dibaca dalam amal ibadat difahami maknanya dengan jelas?

Kesedaran mengenai isu-isu sebegini adalah antara pendorong ke arah menganalisis terjemahan Sūrah al-Fātiḥah ini dari sudut ilmu bahasa. Pendekatan ini adalah bersifat objektif dan sistematik berbanding dengan pendekatan analisis struktur Bahasa Arab itu secara bersendirian (atau terpisah daripada pendekatan Ilmu Bahasa yang bersifat menyeluruh). Tambahan pula, ia merupakan satu sumber bacaan yang diperlukan oleh masyarakat Islam umumnya. Begitu juga setakat ini tiada ditemukan sumber kupasan yang menjawab persoalan berbangkit secara ilmiah. Dengan yang demikian, bolehlah dianggapkan bahawa ia merupakan satu keperluan yang mendesak untuk memenuhi keperluan masyarakat umat Islam semasa.

SOROTAN LITERATUR

Komponen Utama Kajian Terjemahan Sūrah al-Fātiḥah

Terjemahan Sūrah al-Fātiḥah dikaji untuk melihat sejauh mana makna asal (bahasa Arab) dapat dipelihara dalam bahasa sasaran. Kajian kesepadanan semantik menilai padanan kata dan struktur ayat, contohnya cadangan menambah perkataan seperti “menyebut” pada ayat pertama supaya makna lebih jelas dan membincangkan strategi terjemahan seperti harfiah, semantik atau dinamik untuk mengurangkan kekaburan makna (Al Ghifari & Abdallah, 2023). Terdapat juga penyelidikan tentang bagaimana proses (kata kerja) ditukar menjadi entiti (kata benda), seperti "memuji" menjadi "segala puji". Fenomena ini menjadikan mesej keagamaan lebih padat, formal, dan universal (Siregar, Nasution, & Febriani, 2025). Kajian Saputri, Aisyah, & Indriani (2024) tentang perbandingan gaya bahasa dalam terjemahan Sūrah al-Fātiḥah dalam kitab tafsir Al Quran oleh K.H. Abdullah Syafii Maarif dan M.

Quraish Shihab menunjukkan bahawa terjemahan K.H. Abdullah Syafii Maarif lebih bersifat literal, formal, dan klasik berbanding pendekatan M. Quraish Shihab yang lebih dinamik, moden, dan akrab kepada pengguna.

Manakala kajian terjemahan Sūrah al-Fātiḥah oleh Siregar et al., (2025) pula menggunakan pendekatan linguistik moden iaitu Linguistik Sistemik Fungsian (LSF) untuk melihat perubahan struktur bahasa dalam terjemahan, misalnya proses nominalisasi (menukar kata kerja kepada kata nama) yang menjadikan mesej lebih abstrak dan universal tetapi boleh mengurangkan hubungan antara pelaku dan tindakan (Siregar et al., 2025). Perbandingan gaya pula menunjukkan perbezaan antara penterjemah yang lebih literal dan formal dengan yang lebih moden dan mesra pembaca; pilihan kosa kata dan susunan ayat memberi kesan kepada nuansa makna yang diterima pembaca (Saputri et al., 2024).

Selain itu, kajian terjemahan juga dikaitkan dengan aspek pendidikan dan metodologi tafsir tradisional. Terjemahan dilihat sebagai alat pembentukan nilai dan pengajaran bahasa (mufradat), jadi kekeliruan terjemahan boleh menjejaskan kefahaman pelajar dan kekhusyukan solat (Mujahid & Hiljati, 2022; Rohman, 2019). Pendekatan tafsir tradisional seperti analisis nahu, sharaf, balaghah dan rujukan kepada syair Arab lama turut digunakan untuk menjelaskan kata-kata yang jarang ditemui (Nurul et al., 2019). Secara keseluruhan, kajian-kajian ini menunjukkan usaha bersepadu antara linguistik, semantik, pragmatik dan pendidikan untuk memastikan terjemahan bukan sahaja tepat secara linguistik tetapi juga berkesan dari segi rohani dan pedagogi (Meutiyawati, Romadlon, & Astuti, 2026).

Teori Terjemahan Dalam Ilmu Bahasa

Dalam konteks terjemahan, Catford (1965) memperkenalkan konsep penyesuaian struktur ilmu bahasa dalam amalan terjemahan. Bagi beliau, penyesuaian perlu dibuat dengan teliti pada dua peringkat berikut:

i) Penterjemah seharusnya mahir dalam membuat penyesuaian yang sewajarnya mengikut perkaedahan nahu (atau sintaksis) bahasa yang terlibat bahasa sasaran. Contohnya ada sesetengah bahasa mengungkapkan sesuatu makna dalam susunan morphologi dan struktur ayatnya. Sementara bahasa yang lain pula mengungkapkan makna-makna tersebut dalam bentuk kata dan rangkai kata.

ii) Penterjemah juga mestilah berupaya melakukan penyesuaian yang berkaitan dengan bentuk struktur pengolahan komunikasi bahasa yang terpakai dalam kedua-dua bahasa yang terlibat dengan penterjemahan. Ini kerana sesuatu bentuk pengolahan mungkin akan mengakibatkan perubahan makna yang difahami oleh pengguna terjemahan tersebut. Dengan kata lain, bentuk struktur sesuatu pengolahan penyampaian itu memberikan makna tertentu dalam sesuatu bahasa tetapi tidak dalam bahasa yang kedua.

Dengan ini, beliau telah memperkenalkan satu pendekatan yang memberikan keutamaan kepada nilai-nilai ilmu bahasa dalam menghasilkan sesuatu teks terjemahan. Ini kerana unsur-unsur bahasa dalam teks sumber dan juga teks sasaran dapat disepadukan secara sistematik. Kesepaduan inilah yang menjayakan sesuatu proses pemindahan teks dari satu bahasa ke bahasa yang lain. Oleh yang demikian, fokus utama yang disarankan oleh beliau adalah tertumpu kepada persoalan bagaimana sesuatu terjemahan itu berupaya membentuk hubungan pertautan yang bersamaan di antara teks sumber dengan teks sasaran yang terhasil dalam sesuatu terjemahan (Jakobson, 1959 ;Venuti & Baker, 2000).

Saranan yang dianjurkan oleh Catford ini juga telah diperhalusi penggunaannya oleh Newmark (1981:39), terutamanya dalam aspek penelitian semantik yang semestinya bersifat komunikatif. Bagi beliau, semantik adalah merupakan unsur dalaman teks, sementara komunikatif pula adalah penentu kelansongan kesan terjemahan keatas penggunanya. Dengan ini beliau telah menggabungkan bentuk-bentuk amali dalam memahami permasalahan makna yang tersemai dalam sesebuah teks terjemahan. Namun usaha sebegini bukanlah mudah dan ianya disifatkan oleh Nida (1974) sebagai satu impian yang sukar. Ini kerana teks sumber dan teks sasaran selalunya kekal mewakili dua dunia yang berbeza.

Kandungan al-Quran sudah tentu mengandungi ciri bahasa yang unik (Bakar, Rahman & Ramli, 2018) serta unsur-unsur budaya setempat dan kemasyarakatan. Justeru, unsur ini perlulah diterjemah dengan teliti untuk mengelakkan apa yang ingin disampaikan tidak difahami dengan jelas oleh pembaca sasaran. Penterjemah bukan sahaja memindahkan mesej dan makna, malahan mencipta leksikal, tatabahasa dan padanan budaya yang tepat agar teks terjemahan yang dihasilkan boleh diterima dengan baik (Norizah et al, 2011; Moh, Majid & Husin, 2021) dan yang paling penting mempunyai ketepatan makna. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab penterjemah untuk melakukan yang terbaik supaya teks sumber dapat

diterjemahkan dengan tepat dan golongan sasaran pembaca dapat memahami dengan baik dan tidak lari dari teks asal yang dimaksudkan.

Kerangka Konseptual Kajian

Kajian oleh Al Ghifari dan Abdallah (2023) menyebut teori Catford untuk menerangkan apa itu terjemahan iaitu penggantian bahan teks dari satu bahasa kepada bahan teks yang sepadan dalam bahasa lain. Teori Catford hanya digunakan sebagai definisi asas, bukan sebagai kerangka analisis utama dalam kajian mereka. Dalam analisis terperinci terhadap terjemahan Kemenag 2022, penulis lebih mengutamakan kaedah semantik dan konsep kesepadanan bagi menilai ketepatan leksikal dan struktur ayat (Al Ghifari & Abdallah, 2023). Kajian lain pula menggunakan teori yang berlainan sebagai kerangka utama. Contohnya, Siregar, Nasution, dan Febriani (2025) menggunakan kerangka Linguistik Sistemik Fungsian (LSF) Halliday untuk menganalisis fenomena seperti nominalisasi dan metafora gramatikal dalam terjemahan, manakala kajian perbandingan gaya oleh Saputri, Aisyah, dan Indriani (2024) menumpukan kepada perbezaan gaya literal versus dinamik antara penterjemah. Dengan itu, walaupun Catford disebut dalam rujukan teori, analisis ayat-ayat Sūrah al-Fātiḥah dalam sumber-sumber ini lebih banyak bergantung kepada pendekatan semantik dan LSF daripada kepada teori Catford secara langsung (Siregar et al., 2025; Saputri et al., 2024). Secara umumnya, rujukan kepada Catford berfungsi untuk memberi definisi ringkas tentang terjemahan dalam bahagian teori, tetapi kajian-kajian empirikal yang mengkaji ketepatan makna, gaya bahasa, dan implikasi pedagogi menggunakan alat analisis lain yang lebih sesuai untuk tujuan tersebut.

Kerangka analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah menjurus ke arah penggunaan kaedah analisis multi-model sebagai satu pendekatan untuk mengenali aspek-aspek ilmu bahasa yang terdapat dalam teks (Alyousef, 2016). Dalam konteks ini, teks digunakan sebagai sampel data kajian bagi mengenal pasti ciri-ciri ilmu bahasa yang dimiliki oleh struktur sesuatu teks. Ciri-ciri tersebut seterusnya dicerakinkan dan dibincangkan dari setiap lapisan dan kategori yang berkaitan termasuklah penerangan gaya dan bentuk struktur tekstualnya. Sebagai contoh, sungguh pun teks Sūrah al-Fātiḥah. adalah sebuah teks agama wahyu, tetapi apa yang jelas dan nyata, ianya adalah merupakan sebuah teks bahasa yang sangat lengkap lagi kompleks. Oleh yang demikian, ianya perlu dianalisa dari pelbagai sudut bahasa dan penggunaannya. Bagi memenuhi keperluan tersebut, analisis yang akan dijayakan dalam fasal ini adalah seperti dalam Rajah 1 berikut. Rajah 1 menerangkan model bagaimana

menganalisis teks secara Ilmu Bahasa perlu disempurnakan. Abjad (A), (B), (C) dan (D) mewakili komponen-komponen bahasa yang dimiliki oleh sesuatu teks. Seterusnya menganalisis konteks bagaimana ciri-ciri, bentuk dan struktur teks tersebut berfungsi. Dengan kata lain, bagaimana bentuk lahiriah (atau fizikal) teks tersebut terbina. Langkah seterusnya ialah mengenal pasti jenis makna teks daripada binaannya yang tersurat sebelum memulakan proses terakhirnya iaitu menganalisis makna tersirat daripada bentuk yang tersurat.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Analisis Teks (Sumber: Yaakub & Othman, 2017 ; Alrefaie, Sbeira, & Habash, 2020).

METODOLOGI

Untuk memenuhi matlamat yang telah dibincangkan di atas, penelitian kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan. Jenis penelitian yang digunakan iaitu penelitian kepustakaan dimana kajian literatur, isi kandungan dan teks adalah untuk memperoleh data penelitian (Syahputri, Della Fallenia & Syafitri, 2023). Kajian kandungan dan tekstual dalam Sūrah al-Fātiḥah ini adalah berfokus kepada teks setiap ayat-ayat yang terkandung dalam surah ini. Dari segi pendekatan metod, ia adalah selari dengan pendekatan kualitatif karena data yang dihasilkan berupa kata atau deskripsi.

Pengumpulan Data

Data dikumpulkan dari enam set dokumen terjemahan Sūrah al-Fātiḥah. untuk membentuk sampel data yang boleh dianalisis secara deskriptif. Sampel tersebut memaparkan contoh-contoh perbezaan yang terdapat dalam sesuatu terjemahan berbanding yang lainnya. Pemilihannya pula adalah berasaskan kemudahan penemuannya dalam masyarakat pengguna berbahasa Melayu. Ianya juga bertujuan untuk menemukan bentuk-bentuk perbezaan yang terdapat dalam buku-buku tersebut.

Terjemahan 1 hingga Terjemahan 6 dirujuk sebagai (T1-Al-Quran Digital, 2020), (T2-Al-Quranul-Karim, 1991), (T3-Tafsir Al-Quran Mustafa Abdullah, 1997), (T4-Tafsir Al-Quran Murtadha Muthahhari, 1993), (T5-Tafsir Al-Quran Pusat Da'wah Islamiah Brunei, 2009), dan (T6-Terjemahan Secara Ilmu Bahasa-Muhamadul Bakir Yaakub, 2021). Pemilihan set terjemahan ini pula adalah berasaskan kepada keluasan penggunaannya dalam masyarakat Islam di alam Melayu. Data yang terkumpul kemudiannya dikategorikan kepada dua jenis; iaitu 'Terjemahan Secara Umum' (TSU) dan 'Terjemahan Secara Ilmu Bahasa' (TSIB).

Analisis Data

Penelitian data menghasil 43 bentuk kata yang digunakan sebagai sampel analisis. Pendekatan analisis ilmu bahasa yang digunakan disini adalah bermaksud satu bidang ilmu yang menerangkan sifat dan struktur yang terdapat dalam sesuatu sistem bahasa dan tatacara penggunaannya. Kaedah ini dikenali sebagai Linguistik Sistemik Fungsian (LSF) 'analisis linguistik berasaskan fungsi', di mana fokus kajian adalah berkaitan dengan pemahaman sistem sesuatu bahasa manusia secara menyeluruh, temasuklah sistem ejaan, sebutan, intonasi, kosa kata (jenis kata dan suku kata), struktur ayat, makna kata dan juga peribahasa (Hassan, 2009). Menurut Puglielli dan Frascarelli (2011) analisis linguistik bertujuan untuk mengenal pasti kedua-dua fungsi leksikal dan tatabahasa serta fungsi pragmatik bahasa (Feride, 2018). Analisis yang bermanfaat harus bergantung pada pemerhatian dan penerangan sistematik data linguistik untuk memberikan penjelasan hipotesis. Ia membolehkan pengkaji mengaitkan pelbagai fenomena dengan prinsip dan perkara yang diperhatikan (Sherman, 2019). Melalui analisis linguistik dan proses penelitian, ia akan dapat mencapai pemahaman yang lebih mendalam tentang bahasa terutamanya dalam mengaplikasikan apa yang mereka ketahui ke dalam bahasa mereka sendiri (Freeman, n.d.).

HASIL KAJIAN

Dalam kajian ini, teori terjemahan Catford adalah dirujuk bagi memberi pencerahan tentang unsur-unsur terjemahan bahasa. Walaubagaimanapun, dalam menghuraikan ketepatan makna serta gaya Bahasa, kajian ini juga menggunakan kaedah semantik yang lebih terperinci sepertimana yang digunakan oleh Al Ghifari & Abdallah (2023) dan Siregar et al. (2025). Kajian ini menemukan beberapa dapatan seperti berikut:

Pertama: Sesuatu analisis teks mestilah bersifat menyeluruh

Sesuatu terjemahan mestilah berasaskan kepada analisis teks sumber secara menyeluruh. Sebagai contoh, mungkin ada dikalangan pembaca tertanya-tanya, kenapa sesuatu surah mempunyai pelbagai nama? Bagaimana keadaan ini boleh berlaku? Dengan kata lain, kenapa Sūrah al-Fātiḥah ini boleh mempunyai pelbagai nama? Sesetengah surah dalam al-Qur'an diberi lebih daripada satu nama kerana setiap nama menonjolkan ciri atau tema tertentu dalam surah itu. Nama-nama ini boleh datang dari ayat yang menonjol, kata kunci yang sering diulang, atau dari tradisi penafsiran yang berbeza. Cara masyarakat atau ulama memberi nama yang berlainan bergantung kepada kebiasaan bahasa, tujuan penamaan (samada untuk pengajaran, rujukan hukum, atau zikir), dan konteks budaya. Oleh itu, satu surah boleh dinamakan berbeza oleh kumpulan atau generasi yang berlainan tanpa menukar isi kandungannya. Adalah sesuatu yang biasa ditemukan bahawa satu nama dimiliki oleh beberapa individu atau merujuk kepada perkara yang berlainan (Lehrer, 2012; Lieberson, 2000). Dalam konteks ini, adalah sesuatu yang sewajarnya diketahui umum bahawa al-Fātiḥah dikenali dengan beberapa nama (Ahmad, 2009).

Kedua: Analisis nama-nama Sūrah al-Fātiḥah mestilah berasaskan fungsi bahasa

Para ulama tafsir telah membuat penelitian dan analisis berkenaan dengan setiap nama tersebut dan mendapati bahawa setiap nama tersebut ada maksudnya yang tersendiri, yang tersirat di sebalik nama-nama tersebut. Keadaan ini membuktikan bahasa setiap nama-nama tersebut perlu dianalisis secara menyeluruh, terutamanya daripada aspek nilai-nilai bahasa yang menjadi acuan kepada maksud yang tersirat disebalik yang tersurat. Hasil perbincangan dan penelitian mereka juga menjelaskan wujudnya keistimewaan dalam sistem penamaan Sūrah al-Fātiḥah.

Pertama: *Al-ṣolaṯ* Adalah satu nama yang menkagumkan. Bagaimana mungkin surah ini dinamakan dengan nama ini. Adakah *al-ṣolaṯ* itu sama erti dengan nama al-Fātiḥah? Surah ini dinamakan dengan nama ini kerana ianya wajib dibaca dalam setiap *ṣolaṯ* . Huraian ini adalah bersandarkan kepada sebuah *ḥadith qudsi* yang dinukilkan oleh para perawi *ḥadith* seperti Imam Muslim melalui riwayat Abu Hurairah (ra) (Muslim, 2010: Bil. 8/75 & 8/2752).

Kedua: *Al-ḥamd*. Nama ini adalah sesuatu yang mengkagumkan, kerana ianya terletak di permulaan surah dan menjadi sangat unik. Oleh yang demikian apakah erti sebenar bagi kata *al-ḥamd*? Kenapa mesti diucap *al-ḥamdu Lillaah*? Apakah kesan tersirat dan terpahat di hati sanubari penutur setelah mengucapnya? Dalam bahasa Arab, ianya adalah merupakan kata akar bagi perkataan *ḥamida yamdaḥu* yang bermaksud pujian dengan sebab keistimewaan yang tertentu. Ianya menjadi pelengkap kepada ucapan terima kasih. Ini kerana ucapan terima kasih diucapkan setelah menerima nikmat kebaikan yang tertentu. Sementara ucapan pujian ini lebih menyeluruh daripada ucapan terima kasih (Al-Fayruz'Abadi, 2013).

Ketiga: *Fatiḥaṯ al-Kitab*. Nama *Fatiḥaṯ al-Kitab* ini disebut oleh baginda nabi Muhamad (saw) dalam sebuah ḥadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari (No. 4447). Nama ini juga tersebut dalam ḥadith yang dinukilkan oleh Muslim (No. 630). Kata '*fatḥaṯ'* adalah merujuk kepada kata akar bagi perkataan (*fataḥa yaftaḥu*) yang membawa maksud membuang penutup sesuatu (yakni menjadikan sesuatu itu terbuka). Kiranya perkara itu satu permasalahan maka ianya adalah bermaksud penyelesai masalah tersebut (Kamus al-Ma'aaniy, 2025)

Keempat: *'Umu al-Kitaab*. Nama ini adalah berbentuk rangkaian kata dan tersurat dalam ḥadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari (No. 4447) dan Tarmizi (Tarmizi: No. 3125) yang mafhumnya: Allah (swt) tidak menurunkan dalam kitab Taurat mahu pun Injil sesuatu yang seumpama *'Umu al-Quran* dan ianya adalah *Saba' al-Mathaaniy*. Kata *'Um* adalah bermaksud ibu, sementara kitab pula adalah bermaksud buku (Kamus Al-Ma'aniy, 2010a). Dalam konteks penggunaan masyarakat Arab ianya membawa maksud induk dan teras kepada sesuatu.

Kelima: *Al-Saba' al-Mathaaniy*. Nama ini adalah kata nama berangkai. Ianya terbentuk dari perkataan *Saba'* yang bermaksud tujuh. Kata *al-Mathaniy* pula adalah dari kata akar *thany* yang bermaksud pujian. Sesuatu perkara itu tidak akan menjadi pujian melainkan ianya diulang-ulangkan atau sesuatu yang dimasyurkan (Kamus Al-Ma'aaniy, 2025b). Pujian yang diulang-ulang ini dinamakan sebagai *al-Mathaaniy*. Nama ini tersurat dalam Bukhari (No. 4447) dan juga Tarmizi (No. 3125). Kedudukan ketujuh-tujuh nama pujian dan pujaan yang diulang-ulang itu bolehlah digambarkan seperti dalam gambarajah berikut:



Rajah 2: Tujuh Bentuk Puji-Pujian dalam Sūrah al-Fātiḥah

Keenam: *Al-Quran al-'Aziim*. Nama ini terbentuk dalam rangkaian kata sifat yang menerangkan perihal kehebatan dan kebesaran Al-Quran Al-Karim. Sementara kata *al-Quran* itu sendiri bermaksud pembacaan (Al-Quran: 75/18). Jika digabungkan kedua-dua makna tersebut, ianya bermaksud 'pembacaan yang sangat hebat' al-Bukhari (Bukhari: No. 4447).

Ketujuh: *Al-Ruqyaṯ*. Nama ini berasal dari kata akar kepada *raqiya yarqaa* yang membawa maksud merawat (Kamus al-Ma'aaniy, 2025c). Dengan kata lain, nama ini berkaitan dengan penggunaan surah ini untuk tujuan perawatan pesakit (Muslim: No. 2201).

Kelapan: *Al-Kaafiyaṯ*. Nama ini adalah merujuk kepada fungsi Surah ini dalam kehidupan umat Islam sebagaimana ianya berfungsi dalam solat yang didirikan. Kata ini adalah kata adjektif daripada *kafaa yakfiy* yang bermaksud mencukupi. Ini bererti bahawa Surah ini cukup untuk umat Islam dalam melayari kehidupan ini sepenuhnya (Kamus al-Ma'aaniy, 2025d).

Kesembilan: *Al-Munaajaṯ*. Nama ini merupakan kata adjektif pasif kepada perkataan *naaja yunaaji* yang bermaksud 'menyatakan atau mendedahkan sesuatu rahsia diri kepada pihak lain'. Dengan ini, ianya bermaksud 'rahsia yang didedahkan kepada Allah (swt)' (Kamus al-Ma'aaniy: 2025e).

Ketiga: Analisis bandingan mengesahkan kepelbagaian Terjemahan Sūrah al-Fātiḥah

Kajian ini menggunakan dua istilah utama bagi tujuan analisis banding terjemahan surah ini. Istilah pertama adalah "Terjemahan Secara Umum" (TSU) yang digunakan bagi merujuk kepada proses sesuatu amalan terjemahan yang berasaskan kepada kefahaman penterjemah secara perseorangan ke atas sesuatu teks sumber. Antara contoh terjemahan ini adalah:

Jadual 1: Terjemahan Sūrah al-Fātiḥah [T1]

	AL-FĀTIḤAH (PEMBUKAAN)
1.	Dengan menyebut nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani
2.	Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam
3.	Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang
4.	Yang Menguasai di hari Pembalasan (hari akhirat)
5.	Hanya Engkaulah yang Kami sembah dan hanya kepada Engkaulah kami meminta pertolongan.
6.	Tunjukilah kami jalan yang lurus
7.	(yaitu) jalan orang-orang yang telah Engkau beri nikmat kepada mereka, bukan (jalan) mereka yang di murkai dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat.

Jadual 2: Terjemahan Sūrah al-Fātiḥah [T2]

	SŪRAH AL-FĀTIḤAH (SURAH PEMBUKAAN)
1.	Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani
2.	Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekelian alam
3.	Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani
4.	Yang Menguasai Pemerintahan Hari Pembalasan (di Akhirat)
5.	Tuan hambalah sahaja yang Kami sembah dan kepada Tuan hamba sahajalah kami memohon pertolongan.
6.	Tunjukilah kami jalan yang lurus
7.	(iaitu) jalan orang-orang yang Tuan hamba telah kurniakan ni'mat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Tuan hamba telah murkai dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.

Jadual 3: Terjemahan Sūrah al-Fātiḥah [T3]

	SŪRAH AL-FĀTIḤAH
1.	Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang
2.	Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam
3.	Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang
4.	Yang Menguasai Hari Pembalasan
5.	Hanya Engkaulah yang Kami sembah dan hanya kepada Engkaulah kami memohon pertolongan.
6.	Tunjukilah kami jalan yang lurus
7.	(iaitu) jalan orang-orang yang telah Engkau anugerahkan nikmat kepada mereka; bukan (jalan) mereka yang di murkai dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat.

Jadual 4: Terjemahan Sūrah al-Fātiḥah [T4]

	SŪRAH AL-FĀTIḤAH
1.	Dengan nama Allah, Yang Maha Pengasih, lagi Maha Penyayang
2.	Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam
3.	Yang Maha Pengasih, lagi Maha Penyayang
4.	Penguasa di Hari Pembalasan
5.	Kepada-Mu Kami menyembah dan kepada-Mu kami memohon pertolongan.
6.	Tunjukkan kepada kami jalan yang lurus
7.	Jalan orang-orang yang telah Engkau beri nikmat, bukan jalannya orang-orang yang Engkau murkai, bukan pula jalan orang-orang yang sesat.

Jadual 5: Terjemahan Sūrah al-Fātiḥah [T5]

	SŪRAH AL-FĀTIḤAH
1.	Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Pengasih
2.	Segala puji untuk Allah, Pencipta dan Pentadbir sekalian alam
3.	Yang Maha Pemurah, lagi Maha Pengasih
4.	Yang Menguasai hari Pembalasan (hari akhirat)
5.	Hanya Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah dan hanya kepada Engkaulah kami memohon pertolongan.
6.	Tunjukkanlah kami jalan yang lurus.
7.	Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan ni'mat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang dimurkai dan bukan pula (jalan) orang-orang sesat.

Istilah kedua pula ialah "Terjemahan Secara Ilmu Bahasa" (TSIB). Bentuk terjemahan jenis ini memiliki banyak aspek bahasa yang terdapat dalam teks sumber seperti intonasi, bentuk kata, struktur ayat, tema dan klausa. Dengan kata lain, aspek-aspek tersebut telah diambil kira oleh penterjemah dalam proses membentuk dan melahirkan teks sasaran. Antara contoh jenis ini ada seperti dalam jadual berikut

Jadual 6: Terjemahan Sūrah al-Fātiḥah [T6]

	FASAL PEMBUKA
1.	Dengan Nama Allah, Yang Maha Pengasih, Lagi Maha Penyayang.
2.	Kepujian itu adalah untuk Allah, Pemelihara semesta Alam.
3.	Yang Maha Pengasih, lagi Maha Penyayang.
4.	Pemilik Mutlak Hari Perhitungan.
5.	Hanya Engkaulah sahaja yang Kami memperhambakan diri dan hanya kepada Engkau sahajalah yang kami memohon setiap pertolongan.
6.	Tunjukanlah kami jalan yang lurus.
7.	Iaitulah jalan orang-orang yang Engkau telah berikan nikmat kepada mereka, bukanlah mereka yang dimurkai dan tidaklah pula mereka yang sesat.

PERBINCANGAN

Analisis perbandingan terjemahan merupakan pendekatan penting dalam kajian ilmiah kerana setiap terjemahan mencerminkan pilihan metodologi, tujuan, dan konteks penggunaannya; perbezaan antara terjemahan bukan sekadar variasi linguistik tetapi juga menunjukkan bagaimana kefahaman dan manfaat yang diperoleh pembaca dipengaruhi oleh strategi penterjemahan yang digunakan, justeru kajian perbandingan yang sistematik diperlukan untuk menilai ketepatan makna, kejelasan pragmatik, dan keberkesanan pedagogi setiap terjemahan. Untuk tujuan tersebut, Terjemahan 1 hingga Terjemahan 6 digunakan sebagai set perbandingan sampel data. Hasil penelitian perbandingan antara teks-teks tersebut adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 7: Analisis Bandingan Terjemahan Sūrah al-Fātiḥah

BIL	T1	T2	T3	T4	T5	T6
1.	Pembukaan	Pembukaan	Al-Fātiḥah	Al-Fātiḥah	Al-Fātiḥah	Pembuka
2.	Menyebut Pemurah Mengasih-ani	Pemurah Mengasihani	Pemurah Penyayang	Pengasih Penyayang	Pemurah Mengasihani	Pengasih Penyayang
3.	Bagi Tuhan Semesta	Tertentu Bagi Tuhan Memelihara Mentadbir Sekelian	Bagi Tuhan Semesta	Bagi Tuhan Semesta	Tertentu Bagi Tuhan Memelihara Mentadbir Sekelian	Untuk Pemelihara Semesta
4.	Pemurah Penyayang	Pemurah Mengasihani	Pemurah Penyayang	Pengasih Penyayang	Pemurah Mengasihani	Pengasih Penyayang
5.	Menguasai Pembalasan	Menguasai Pemerintahan Pembalasan	Menguasai Pembalasan	Penguasa Pembalasan	Menguasai Pemerintahan Pembalasan (hari akhirat)	Pemilik Perhitungan
6.	Hanya Engkau Sembah Meminta	Tuan Hambalah Sahaja Sembah Memohon	Hanya Engkau Sembah Memohon	Kepada Mu Menyembah Memohon	(ya Allah) Sembah Memohon	Memperham bakan Diri Memohon
7.	Tunjukanlah kami jalan yang lurus (Tiada Perbezaan)	Tunjukanlah kami jalan yang lurus (Tiada Perbezaan)	Tunjukanlah kami jalan yang lurus (Tiada Perbezaan)	Tunjukanlah kami (Kepada) jalan yang lurus (Tambahan ‘kepada’)	Tunjukanlah kami jalan yang lurus (Tiada Perbezaan)	Tunjukanlah kami jalan yang lurus (Tiada Perbezaan)
8.	(yaitu) Beri Dimurkai	(iaitu) Tuan hamba Kurniakan Murkai	(iaitu) Anugerahkan Dimurkai	Beri Murkai	Iaitu Kurniakan Murkai	Iaitulah Berikan Dimurkai

Jadual di atas menerangkan bahawa setiap daripada T1, T2, T3, T4, T5 dan T6, mempunyai perbezaan antara sesuatu terjemahan dengan yang lainnya. Sampel ini menunjukkan terdapat 43 perkataan yang berbeza telah digunakan oleh para penterjemah surah ini. Perbezaan-perbezaan tersebut berlaku dari pelbagai aspek, antaranya ialah pemilihan kata, bentuk kata, gandingan kata, penguat kata dan juga dari aspek susunan struktur makna dan acuan bahasa yang diguna pakai. Implikasi daripada perbezaan tersebut maka berlakulah perbezaan semantik dan juga pragmatik yang terpindah kedalam teks sasaran. Dengan kata lain, nilai-nilai semantik dan pragmatik dalam teks sasaran adalah berbeza dengan apa yang terkandung dalam teks sumber. Sepertimana yang ditunjukkan dalam Rajah 2 kajian ini mengkaji tujuh bentuk pujian yang terdapat dalam surah ini, tetapi tidak semuanya digunakan oleh para penterjemah yang menggunakan pendekatan terjemahan secara umum (TSU) seperti yang terdapat dalam jadual perbandingan diatas. Dapatan ini adalah sejajar dengan teori kefungsian teks dalam sesuatu terjemahan, di mana ianya perlu diambil kira dalam sesuatu proses terjemahan. Boleh dirumuskan di sini bahawa kepelbagaian bentuk huraian dan pentafsiran isu-isu berkatian dengan Sūrah al-Fātiḥah khususnya dan juga keseluruhan al-Quran al-Karim boleh difahami daripada perspektif linguistik, semantik dan pragmatik dimana ianya mampu memberikan pengesahan yang berstruktur mengikut aturan bahasa itu sendiri serta kesinambungan pemakaian dan pemahaman yang dapat diterima oleh setiap pengguna bahasa tersebut.

Kepelbagaian bentuk terjemahan terhadap surah yang istimewa ini difahami daripada pelbagai aspek dan pendekatan. Perkara ini dibuktikan oleh beberapa pengkaji lepas dimana kajian Siregar et al, (2025) mendapati bagaimana struktur bahasa diubah, contohnya dengan menukar kata kerja kepada kata nama (nominalisasi) seperti perkataan “memuji” → menjadi “pujian” bagi menjadikan makna lebih abstrak dan universal tetapi dalam masa yang sama ia juga boleh mengaburkan hubungan antara pelaku dan tindakan. Sementara Saputri et al. (2024) dalam pengkajiannya membandingkan gaya bahasa dua penterjemah terkenal iaitu kitab tafsir Al Quran oleh K.H. Abdullah Syafii Maarif dan M. Quraish Shihab, menunjukkan perbezaan pilihan kosa kata dan susunan ayat antara gaya yang lebih formal (klasik) dan gaya yang lebih mesra pembaca moden, yang memberi kesan kepada nuansa makna bagi pembaca.

Selain itu, beberapa kajian tafsir tradisional turut menyumbang kepada perspektif linguistik, contohnya dalam terjemahan K.H. E. Abdullah menggunakan analisis nahu, sharaf, dan balaghah untuk menjelaskan struktur dan makna (Nugraha, 2022), manakala kajian keapada terjemahan Ibn Abbas menunjukkan penggunaan syair Arab lama untuk memahami kata-kata jarang (gharib) dalam penterjemahan Al Qur'an (Nurul et al., 2019). Secara keseluruhan, kajian-kajian ini menunjukkan peralihan daripada ulasan tafsir tradisional kepada analisis linguistik moden yang menilai ketepatan terjemahan dari segi makna, struktur, dan gaya, serta implikasinya terhadap kefahaman pembaca (Al Ghifari & Abdallah, 2023; Siregar et al., 2025; Saputri et al., 2024). Lazimnya, kepentingan sesuatu terjemahan yang diberikan oleh seseorang penterjemah adalah bergantung kepada kesediaan pembaca terjemahan tersebut serta latar belakang yang mendasari kehidupannya sendiri. Setiap pembacaan yang dilakukan oleh seseorang pembaca terjemahan pastilah mencetuskan satu bentuk pemikiran dan kefahaman yang tersendiri. Keadaan ini berlaku kerana hakikat bahasa itu sendiri yang berkait rapat dengan pemikiran dan perlakuan manusia dan masyarakat penggunanya yang tersendiri. Bahkan ianya juga berkembang dan berubah mengikut perkembangan dan perubahan semasa dan persekitaran setempat (Deraman, 2007: 3-22).

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa terjemahan teks keagamaan, khususnya Sūrah al-Fātiḥah ke dalam Bahasa Melayu, memerlukan pendekatan yang sistematik, teliti, dan berlandaskan kaedah linguistik yang mantap. Analisis terhadap enam sampel terjemahan menunjukkan wujudnya variasi yang ketara dari segi struktur bahasa, semantik, dan aspek pragmatik. Variasi ini berpunca daripada ketidakseragaman pendekatan penterjemah serta perbezaan pemahaman individu terhadap teks asal. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa usaha menghasilkan terjemahan yang seragam dan tepat bukan sahaja penting untuk menjaga maksud asal teks, tetapi juga merupakan satu amanah ilmiah dan keagamaan.

Justeru, kajian ini menekankan keperluan membangunkan sistem analisis terjemahan yang lebih sistematik dan berlandaskan prinsip ilmiah agar hasil terjemahan dapat mencapai tahap ketepatan yang tinggi, sekaligus mengelakkan keraguan serta memastikan terjemahan berfungsi sebagai medium penyampaian ilmu dan ibadah yang sahih. Oleh yang demikian, sesuatu usaha penterjemahan Sūrah al-Fātiḥah. perlu dijayakan dalam bentuk kesatuan para

Ulama yang mewakili pelbagai bidang kepakaran yang diperlukan dalam proses menghasilkan sesuatu terjemahan tersebut. Ini kerana, sesuatu terjemahan itu tidak hanya dijayakan untuk memenuhi keperluan pengguna yang beragama Islam sahaja, bahkan ianya perlu disempurnakan untuk memenuhi keperluan manusia sejagat dalam memenuhi keperluan memahami erti sebenar satu Agama yang bersifat 'fitrah'. Dengan kata lain, peranan terjemahan itu perlu dilihat sama pentingnya dengan peranan Sūrah al-Fātiḥah. itu sendiri. Apa yang membezakan antara keduanya ialah keperluan kepenggunaan para pengguna yang menggunapakai dalam kedua aspek tersebut.

PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada kepada ahli akademik yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyumbangkan pandangan dan buah fikiran dalam isu terjemahan teks Al-Quran ke Bahasa Melayu. Penulis juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Mulia Rektor dan pegawai utama UNISSA atas kebenaran penyelidikan dan dokumentasi serta kemudahan yang disediakan bagi kegunaan dalam penyelidikan ini.

RUJUKAN

Ahmad, H. (2009). *Musnad Imam Ahmad*. Bil. 2/428. Arna'uwt: Mu'assasah Al-Risalah.

Al-Fayruz'Abadi, M. A. D. (2013). A*l-Qamus al-Muhit*. Al-Matba'a al-Misria.

Al-Gharib, R. K. Z. (2018). Fahm Al-Qur'an bayna Al-Qawa'id Al-Dabitah wa Al-Mazaliq Al-Muhlikah. Dar Al-Bashir li Al-Thaqafah wa Al-'Ulum.

Al-Ma'ajim Al-'Arabiy. (2010). Al-Ma'aniy. Kamus Arab-Arab. https://www.almaany.com/ar/dict/ar-arhttps://www.almaany.com/ar/dict/ar

Al-Ma'ajim Al-'Arabiy. (2010). Al-Ma'aniy. Kamus Arab-Arab. Kamus Al-Ma'aniy. (2025). Fataha. https://shorturl.at/Jyl3C

Al-Ma'ajim Al-'Arabiy. (2010). Al-Ma'aniy. Kamus Arab-Arab. Kamus Al-Ma'aniy. (2025a). 'Um. https://l1nq.com/toj2xxd

Al-Ma'ajim Al-'Arabiy. (2010). Al-Ma'aniy. Kamus Arab-Arab. Kamus Al-Ma'aniy. (2025b). Al-Saba'. https://shorturl.at/LKksJ

Al-Ma'ajim Al-'Arabiy. (2010). Al-Ma'aniy. Kamus Arab-Arab. Kamus Al-Ma'aniy. (2025c). Al-Ruqyah. https://shorturl.at/4U2Uw

Al-Ma'ajim Al-'Arabiy. (2010). Al-Ma'aniy. Kamus Arab-Arab. Kamus Al-Ma'aniy. (2025d). Al-Kafiyah. https://rb.gy/tdr3ze

Al-Ma'ajim Al-'Arabiy. (2010). Al-Ma'aniy. Kamus Arab-Arab. Kamus Al-Ma'aniy. (2025e). Al-Munaajah. https://h1.nu/1wPxL

Al-Quran. [T1] Al-Quran Digital. (2020). *Terjemahan Al-Quran Bahasa Melayu*. Bersandarkan Kerajaan Arab Saudi, Kementerian Hal Ehwal Islam, Wakaf, Dakwah dan Nasihat Al-Quran Digital. http://www.surah.my/1. Kelolaan Naf'an

Al-Quran. [T2] Al-Quranul-Karim. (1991). *Terjemahan dan Huraian Maksud - Yusuf Ali*. Penterjemah Uthman El-Muhammady. DBP: Kuala Lumpur.

Al-Quran. [T3] Mustafa Abdullah. (1997). *Tafsir Sūrah al-Fātiḥah an Al-Baqarah*. Terjemahan Siti Sujinah Sarnap. Percetakan Zafar. Batu Caves: Kuala Lumpur.

Al-Quran. [T4] Murtadha Muthahhari. (1993). *Tafsir Surat-Surat Pilihan*. Terjemahan M.S. Nasrullah. Victory Agencie: Kuala Lumpur.

Al-Quran. [T5] Pusat Da'wah Islamiah Brunei. (2009). *Mashaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya*.. Percetakan Pusat Da'wah Islamiah. Negara Brunei Darussalam: Bandar Seri Begawan.

Al-Quran. [T6]. Muhamadul Bakir Yaakub. (2021). Terjemahan Secara Ilmu Bahasa. Terjemahan Khas yang dihasilkan oleh kajian ini untuk tujuan perbandingan dengan terjemahan-terjemahan umum yang diguna pakai dalam masyarakat Melayu di waktu ini.

Alrefaie, M. K., Sbeira, F., & Habash, A. M. (2020). Text analysis technique. Publication of the Syrian Virtual University (SVU). Creative Commons Attributions. https://l1nq.com/8uxpdtv

Al-Tabari, M. I. J. (2001). Jami' Al-Bayan 'an Ta'wil 'Ay al- Qur'an. Dar Hajr.

Al Ghifari, H. N., & Abdallah, L. M. (2023). Analisis kesepadanan makna terjemahan Surah Al-fatihah Qur'an Kemenag menggunakan tinjauan metode semantik. *Diwan: Jurnal Bahasa dan Sastra Arab*, *15*(1), 74–89. https://journaldiwan.ac.id

Alyousef, H. S. (2016). A multimodal discourse analysis of the textual and logical relations in marketing texts written by international undergraduate students. *Functional linguistics*, *3*(1), Springer Open Journal. DOI 10.1186/s40554-016-0025-1.

Ardi, N., Mohamad, M., Rashidin, R., & Jantan, Z. (2011). Asas dan kemahiran menterjemah. Selangor: August Publishing Sdn. Bhd.

Bakar, A. A., Rahman, L. A., Ramli, S., & Utama, F. P. B. (2018). Unsur Budaya dalam al-Quran: Tinjauan dari aspek klasifikasi dan terjemahannya. *Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia*. Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke 16.

Berita Harian. (Jan, 2024). Kelebihan dan pengajaran dari Sūrah al-Fātiḥah. Enews Letter. https://www.beritaharian.sg/hidayah/kelebihan-dan-pengajaran-dari-surah-al-fatihah

Bukhari. M.A. (2018). *Sahih Imam Al-Bukhari*. Lubnan, Beirut: Daar Ibnu Kathir.

Catford, J. C. (1965). *A Linguistic Theory of Translation* (Vol. 31). London: Oxford University Press.

Deraman, A. (2007). Pengukuhan bahasa dan pemikiran Melayu serantau. Dlm Irwandy (pnyt.). *Bahasa dan pemikiran Melayu/Indonesia menyonsong 2025*, 3-22. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Feride, E. (2018). ESL 8020 Lesson 1: Introduction & Analyzing Sentence Structure [8], in Sherman, S. K. (2019). Incorporating Linguistic Analysis and Processes into English as a Second Language Instruction.

Freeman, G. S. (n.d). Linguistic analysis: A high school English language learner. Georgetown College. https://www.academia.edu/33292352/Linguistic_Analysis

Hassan. A. (2009). *Ilmu Bahasa Am*. Kuala Lumpur: Professional Publishing PTS.

Hilmi, A. B. A., Saleh, M. H., & Sulaiman, A. (2022). Kaedah Memahami Makna al-Quran dalam Pengintegrasian Ayat Hafazan dengan Ilmu Aqli:[Method Of Comprehending the Meaning of al-Quran in Integrating Memorised Verses with Aqli Knowledge]. *Ulum Islamiyyah*, *33*(3), 175-202.

Jakobson, R. (1959). On linguistic aspects of translation. In *On translation* (pp. 232-239). Harvard University Press.

Lehrer, A. (2012). Names and naming: Why we need fields and frames. In *Frames, fields, and contrasts* (pp. 123-142). Routledge.

Lieberson, S. (2000). *A matter of taste: How names, fashions, and culture change*. Yale University Press.

Meutiyawati, C. H., Romadlon, A. F. N., & Astuti, I. (2026). Perbandingan penafsiran Surah Al-Fatihah dalam Tafsir Al-Misbah dan Tafsir Asy-Sya'rawi. *Bunyan al-Ulum: Jurnal Studi Islam*, *2*(2), 219–239. https://doi.org/10.58438

Moh, A. J. A. I. B., Majid, M. A. B. A., & Husin, N. B. (2021). Prosedur Terjemahan Unsur Budaya Ekologi dalam al-Quran. *e-BANGI*, *18*(4), 148-162.

Mujahid, A., & Hiljati. (2022). Qs. Al-Fatihah dalam perspektif ilmu pendidikan (Kajian tafsir tematik). *Jurnal Ilmiah Tarbiyah Umat (JITU)*, *12*(2), 123–132. https://doi.org/10.36915/jitu

Muslim, A.Q. (2010). *Sahih Muslim*. Lubnan, Beirut: Daar Al-Kutub Al-Ilmiah.

Newmark. P. (1981). *Approaches to translation*. Pergamon Press: London

Nida, E. A., & Taber, C. R. (Eds.). (1974). *The theory and practice of translation* (Vol. 8). Brill Archive.

Nugraha, E. A. R. (2022). Karakteristik tafsir Surat Al-Fatihah K.H. E. Abdullah. *Journal of 'Ulūm al-Qur'ān and Tafsīr Studies*, *1*(1), 4–18. https://doi.org/10.54801/juquts.v1i1.87

Nurul, A., Abdullah, A., Ag, A., Febrianti, A., & Attamimi, M. (2019). Penafsiran Abdullah Ibn Abbas terhadap Surah Al-Fatihah. *al-Munir: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*, *1*(2), 79–102.

Puglielli, A., & Frascarelli, M. (2011). *Linguistic analysis: From data to theory* (Vol. 220). Walter de Gruyter.

Rohman, F. (2019). Tafsir Al-Fatihah dalam terapan. *AL-IDZA'AH: Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, *1*(1), 11–24.

Saputri, D., Aisyah, N. L., & Indriani, W. (2024). Perbandingan gaya bahasa dalam terjemahan Surah Al-Fatihah oleh K.H. Abdullah Syafii Maarif dan M. Quraish Shihab. *Journal Islamic Education*, *3*(1), 77–91.

Sharshaar, A.Q. (2002). `Ahamiyyat Al-Lughat wa Waza'ifuha fi 'Amaliyyat al-Tawasol. Jurnal Insaniyat. Jilid 18 (59-68).

Sherman, S. K. (2019). Incorporating Linguistic Analysis and Processes into English as a Second Language Instruction. School of Education and Leadership Student Capstone Projects. 409. https://digitalcommons.hamline.edu/hse_cp/409

Siregar, U. D., Nasution, M. F., & Febriani, B. (2025). Nominalisasi, abstraksi makna dan metafora gramatikal dalam terjemahan Surah Al-Fatihah. *Jurnal Bahasa dan Sastra Indonesia*, *5*(2). https://doi.org/10.47709/jbsi.v5i02.6872

Syahputri, A. Z., Della Fallenia, F., & Syafitri, R. (2023). Kerangka berfikir penelitian kuantitatif. *Tarbiyah: Jurnal Ilmu Pendidikan Dan Pengajaran*, *2*(1), 160-166.

Tarmizi, A.J. (2014). Jami' Kubra Sunan Al-Tarmizi. Daar Al-Ta'Siil.

Venuti, L., & Baker, M. (Eds.). (2000). *The translation studies reader* (Vol. 216). London: Routledge.

Wan Mohamad, W. F. R., Ali, M. R., Awang, A. H., & Abdul Mutalib, M. F. M. (2017). Tahap Kefahaman Terhadap Surah Al-Al-Fatihah dalam Kalangan Mahasiswa Pusat Asasi KUIS. National Pre University Seminar. NpreUS2017. E-ISBN: 978-967-2122-11-1. Pp. 267-277.

Yaakub, M. B. & Othman, K. (2017).The Foundation of Islamic Knowledge Management Practices. In: Ramadani V., Dana LP., Gërguri-Rashiti S., Ratten V. (eds) Entrepreneurship and Management in an Islamic Context. Springer, Cham.